

\*\*\*\*\*

***BAB SATU***

\*\*\*\*\*

# LATAR BELAKANG ABU YUSUF

## 1.1 Pengenalan

Berdasarkan kepada latar belakang Abu Yusuf, kita akan menyorot kepada riwayat hidupnya, keilmuan yang dimiliki, guru-gurunya, ketokohnya dan penulisannya. Abu Yusuf atau nama sebenarnya ialah Ya'qub b. Ibrahim al-Anṣārī al-Kufī merupakan sahabat dan anak murid Abū Ḥanīfah yang paling menonjol dalam mazhab Hanafi selain daripada Muḥammad b. al-Ḥasan al-Shaybānī (meninggal 189H)<sup>1</sup>. Kedua-dua orang tokoh ini dikenali sebagai *al-Ṣahibān* yang bermaksud dua sahabat. Beliau berjaya mengembangkan mazhab Hanafi kepada seluruh masyarakat hasil daripada idea-idea yang dikemukakan dan juga penulisan-penulisannya melalui prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh gurunya iaitu Abū Ḥanīfah.<sup>2</sup> Namun begitu, kekuatannya dalam mazhab Hanafi berada pada kedudukan kedua selepas Abū Ḥanīfah dan kemudiannya diikuti oleh Muḥammad b. al-Ḥasan al-Shaybānī.

Abu Yusuf telah dilantik sebagai Ketua Hakim atau Qadi di bawah pemerintahan khalifah Bani 'Abbāsiyyah yang ke-5 iaitu Khalifah Harun al-Rashīd yang meninggal dunia pada tahun 193 H<sup>3</sup>. Beliau bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada khalifah dalam perkara yang berkait dengan kepentingan negara. Ini membawa kepada penulisan yang amat bernilai iaitu *Kitāb al-Kharāj*

---

<sup>1</sup> C. E Bosworth, et. al (eds.) (1997), *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*, Vol. IX, Leiden: E. J Brill, m.s. 393.

<sup>2</sup> Ahmad b. 'Alī b. Ḥajar al-'Asqalānī (t.t), *Lisān al-Mizān*, Jil.6 Beirut: Muassasah al-'Aḥadīyah li al-Maṭbū'at, m.s. 300-301.

<sup>3</sup> B. Lewis, et. al (eds.) (1979), *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*, Vol. III, Leiden : E. J Brill, m.s. 232-234.

yang menjelaskan perkara yang berkait dengan percukaian dan lain-lain undang-undang awam.<sup>4</sup>

Bertitik-tolak daripada ketokohan dan keilmuan beliau, kita akan melihat kepada latar belakang kehidupan Abu Yusuf yang bermula daripada riwayat hidupnya sehinggalah kepada keluarganya, pengajiannya dan sumbangannya samada dari segi keilmuan itu sendiri ataupun peranannya dalam menonjolkan mazhab Hanafi. Begitu juga dengan ketokohan beliau dalam penulisan kitab-kitab yang terulung yang antaranya ialah *Kitāb al-Kharāj*.

## 1.2 Riwayat Hidup

Abu Yusuf dikenali sebagai seorang yang faqih dan salah seorang pengasas mazhab Hanafi. Beliau berketurunan Arab yang mana datuknya Sa'ad b. Ḥabtah adalah salah seorang sahabat nabi daripada golongan Ansar.<sup>5</sup> Namanya ialah Ya'qub b. Ibrahim b. Ḥubaib b. Sa'ad b. Bujair b. Mu'awiyah Ibn Quḥāfah b. Nufail b. Sudus b. 'Abd. Manāf b. Abi Usamah b. Suḥmah b. Sa'ad b. 'Abd Allah b. Quradah b. Tha'labah b. Mu'awiyah b. Zaid b. al-Ghauth b. Bujailah<sup>6</sup> atau lebih dikenali sebagai *Abu Yusuf al-Qaḍi* iaitu sahabat Abu Ḥanīfah.<sup>7</sup> Beliau hidup selepas kematian Abu Ḥanīfah selama 32 tahun.<sup>8</sup>

<sup>4</sup> Nicolas P. Aghnides (1961), *Mohammedan Theories of Finance with an Introduction to Mohammedan Law and a Bibliography*, Lahore: The Premier Book House, m.s. 134.

<sup>5</sup> Aḥmad Amin (1952), *Ḍuḥā al-Islam*, Juz. 2, Cet. 3, Qaḥerah: Maṭba'ah al-Jannah, m.s. 198.

<sup>6</sup> Ibn Sa'ad (1985), *al-Ṭabaqāt al-Kubrā*, Jil. 7, Beirut: Dār Ṣādir, m.s. 330.

<sup>7</sup> Abū Bakar Aḥmad b. 'Alī al-Khatīb al-Baghdādī (t.t), *Tarikh Baghdad aw Madīnah al-Salām*, Jil. 14, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabi, m.s. 242.

<sup>8</sup> Muḥammad Abū Zahrah (t.t), *Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*, Maṭba'ah al-Madani, m.s. 186.

Sa'ad b. Ḥabtah iaitu datuknya masyhur dengan gelaran *al-Anṣārī* kerana ibunya iaitu nenek kepada Abū Yūsuf, Ḥabtah bt. Malik adalah daripada Bani °Amrū b. °Auf.<sup>9</sup> Oleh sebab itu, beliau diberi nama Ya'qub b. Ibrahim b. Ḥubaib al-Anṣārī yang dilahirkan pada tahun 113 H.<sup>10</sup> Datuknya turut serta bersama-sama dengan Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Uhud.<sup>11</sup> Manakala ayahnya Bujair b. Mu'awiyah meninggal dunia ketika Abū Yūsuf masih kecil lagi.<sup>12</sup>

Beliau tinggal di Kufah sehinggalah beliau dilantik sebagai Qadi di Baghdad<sup>13</sup> pada tahun 166 H<sup>14</sup> dan terus memegang jawatan tersebut di bawah tiga orang khalifah °Abbasiyyah yang terkenal sepanjang pemerintahan mereka iaitu al-Mahdi (158-169 H)<sup>15</sup>, al-Hadi (169-170 H)<sup>16</sup> dan al-Rashid (170-193 H)<sup>17</sup> yang jajahan pemerintahannya adalah dari timur hinggalah ke barat.<sup>18</sup> Khalifah Harun al-Rashid meletakkannya pada satu kedudukan yang tinggi dan mulia yang mana dikatakan bahawa beliau merupakan orang yang pertama yang tidak

<sup>9</sup> Ibn Khalikan, Abū °Abbas Syams al-Dīn Aḥmad (t.t), *Wafayat al-A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*, Jil. 7, Beirut: Dar al-Thaqafah, m.s. 378.

<sup>10</sup> Hāshim al-A'zamī (1965), *Tarikh Jamī' al-Imam al-A'zam wa Masajid al-A'zamiyyah*, Juz. 2, Baghdad: Matba'ah al-°Anī, m.s. 245. Lihat juga Muwaffaq Ibn Aḥmad al-Makkī (1981), *Manaqib Abū Ḥanīfah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-°Arabi, m.s. 389.

<sup>11</sup> Abū Bakar Aḥmad b. °Alī al-Khātib al-Baghdādī (t.t), *op. cit.*, m.s. 243.

<sup>12</sup> Abū al-Fidā' al-Ḥafiz Ibn Kathīr (1997), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, juz. 9, cet. 4, Qaherah: Dar al-Ḥadīth, m.s. 194.

<sup>13</sup> H.A.R Gibb, et. al, (eds.) (1967), *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*, Vol. 1, Leiden: E.J. Brill, m.s. 164.

<sup>14</sup> Ibn. Khalikān, Abū °Abbas Syams al-Dīn Aḥmad (t.t), *op. cit.*, m.s. 388.

<sup>15</sup> C. E Bosworth, et. al (eds.) (1986), *The Encyclopaedia of Islam (New Edition)*, Vol. V, Leiden: E. J Brill, m.s. 1238.

<sup>16</sup> B. Lewis, et. al (eds.) (1979), *op. cit.* m.s. 22.

<sup>17</sup> *Ibid.*, m.s. 232-234.

<sup>18</sup> Al-Qasim Ibn °Abd Allah Ibn Qutlubghā (1962), *Tarikh al-Tarajim fi Ṭabaqāt al-Ḥanafīyyah*, cet. 2, Baghdad: Matba'ah al-°Anī, m.s. 81.

menggunakan status ulama' yang mampu sampai ke tahap ini pada zaman tersebut.<sup>19</sup>

Selain itu, terdapat riwayat menyebut tentang hubungannya yang rapat dengan khalifah Harūn al-Rashīd. Ini kerana beliau telah mendahului orang lain pergi ke Baghdad selepas kewafatan Abū Ḥanīfah dan berjaya menyelesaikan masalah khalifah Harūn al-Rashīd yang berada dalam keadaan tertekan ketika itu.<sup>20</sup>

Manakala anaknya juga dilantik sebagai qadi di samping ayahnya di Baghdad semasa Abū Yūsuf masih hidup. Anaknya meninggal pada bulan Rejab tahun 192 H di Baghdad.<sup>21</sup> Beliau juga merupakan orang yang pertama digelar sebagai *Qādī al-Qadāt* pada bulan Rabi'ū al-Akhir kerana kefaqihannya dalam mazhab Abū Ḥanīfah.<sup>22</sup> Mengenai kefaqihannya diceritakan oleh Yaḥyā Ibn Mu'īn bahawa Abū Yūsuf telah solat sebanyak 100 raka'at setiap hari selepas beliau dilantik sebagai qadi.<sup>23</sup> Dalam mengutarakan kebolehan dan kefaqihannya dalam mengeluarkan hukum, diriwayatkan daripada Ismā'īl Hamad b. al-Imām bahawa datuknya pernah berkata kepada sahabat beliau bahawa terdapat 28 orang yang boleh menjadi hakim, 6 orang yang hanya boleh mengeluarkan fatwa dan

---

<sup>19</sup> Ibn Khalikan (t.t), *op. cit.*, m.s. 379.

<sup>20</sup> *Ibid.*, m.s. 381.

<sup>21</sup> *Ibid.*, m.s. 388.

<sup>22</sup> Abū al-Falah 'Abd al-Ḥayei b. al-'Imād al-Ḥanbali (1350 H), *Syadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, juz. 1, Qaherah: Maktabah al-Qudsi, m.s. 298.

<sup>23</sup> Abū Muḥammad 'Abd Allāh b. As'ad b. 'Ali al-Yafī'i (1970), *Mir'at al-Janān wa 'Ibrat al-Yaqzān*, Juz. 1, Cet.2, Beirut: Muassasah al-A'māli li al-Matbu'at, m.s. 382.

hanya 2 orang sahaja yang boleh menjadi hakim dan mengeluarkan fatwa iaitu Abu Yusuf dan Zufar.<sup>24</sup>

Beliau meninggal dunia ketika berumur 69 tahun pada hari Khamis iaitu pada awal waktu Zuhur bersamaan bulan Rabi<sup>u</sup> Awal tahun 182 H di Baghdad.<sup>25</sup> Abu Yusuf dikuburkan di sebuah tanah perkuburan Quraisy iaitu maqam yang sentiasa dikunjungi oleh para pembesar.<sup>26</sup> Ketika itu, beliau masih lagi memegang jawatan sebagai Qadi di Baghdad<sup>27</sup> semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid.<sup>28</sup> Ini bermakna beliau telah menjadi Qadi bagi pemerintahan <sup>o</sup>Abbasiyyah selama 16 tahun.<sup>29</sup>

### 1.3 Keilmuan Yang Dimiliki

Berdasarkan riwayat daripada al-Hasan b. Abu Bakr, Muhammad b. al-Hasan dan lain-lain menceritakan bahawa Abu Yusuf adalah seorang pemuda yang miskin dan di bawah jagaan ibunya yang melarang beliau daripada menghadiri majlis ilmu Abu Hanifah.<sup>30</sup> Namun, Abu Hanifah menyokong akan kecenderungan Abu Yusuf untuk belajar daripadanya. Ini menunjukkan Abu Hanifah telah melihat akan kesungguhannya untuk menuntut ilmu dan kebolehan yang ada pada beliau. Beliau telah memulakan pelajaran yang pertamanya di bawah bimbingan dan sokongan daripada Abu Hanifah. Melalui Imam Abu Hanifah beliau belajar aliran

<sup>24</sup> Muwaffaq Ibn Ahmad al-Makki (1981), *op. cit.*, m.s. 396.

<sup>25</sup> Ibn Khalikan, Abu <sup>o</sup>Abbas Syams al-Din Ahmad (t.t), *op. cit.*, m.s. 388.

<sup>26</sup> Hashim al-Azami (1965), *op. cit.*, m.s. 235.

<sup>27</sup> Ibn Khalikan, Abu <sup>o</sup>Abbas Syams al-Din Ahmad (t.t), *op. cit.*, m.s. 388.

<sup>28</sup> Ibn Sa<sup>o</sup>ad (1985), *op. cit.*, m.s. 331.

<sup>29</sup> Ibn Khalikan, Abu <sup>o</sup>Abbas Syams al-Din Ahmad (t.t), *op. cit.*, m.s. 388.

<sup>30</sup> *Ibid.*, m.s. 380 ; Lihat juga Abu Bakar Ahmad b. <sup>o</sup>Ali al-Khatib al-Baghdadi ( t.t), *op. cit.*, m.s. 244.

*ra'y* (fikiran) sehingga mencapai ke tahap sebagai seorang ulama' mujtahid dan bintangnya bersinar sehingga beliau terkenal sebagai ilmuan yang ulung dan imam fiqh besar pada zamannya.<sup>31</sup>

Selain sebagai seorang yang terkenal dalam aliran *ra'y*, beliau juga faqih dalam menerima dan menghafaz hadith. Beliau telah menghafaz 50 atau 60 buah hadith di samping menyampaikannya kepada orang ramai. Pemikirannya juga merujuk kepada pendapat Imam Mālik dan golongan Ḥijāz. Ini adalah hasil pertemuan beliau dengan Imam Mālik ketika beliau melawat Madinah.<sup>32</sup> Antara fuqaha' yang menghadiri majlis pengajaran hadith beliau ialah Muḥammad b. °Abd al-Raḥman b. Abu Laylā dan Abu Ḥanīfah. Keupayaannya dalam menghafaz hadith dilihat dalam kata-kata Ibn Khalikan (meninggal pada 26 Rejab 681H)<sup>33</sup> bahawa Abu Yusuf menghafaz sebanyak 50 hadith berserta dengan rawinya dalam satu majlis sahaja.<sup>34</sup>

Dalam menerima hadith ini, Abu Yusuf meriwayatkan hadith daripada al-A°mash, Hishām b. °Urwah, Muḥammad b. Ishāq, Yahyā b. Sa°id dan lain-lain.<sup>35</sup> Ini adalah untuk memastikan bahawa hadith yang beliau terima adalah sahih dan boleh diterima rawinya. Walaupun beliau banyak menerima dan meriwayatkan hadith namun kemudiannya beliau lebih cenderung atau lebih terikat kepada metod Abu Ḥanīfah yang menggunakan *ra'y* dalam mengemukakan

<sup>31</sup> Hashim al-A°zami (1965), *op. cit.*, m.s. 245.

<sup>32</sup> Aḥmad Amin (1952), *op. cit.*, m.s. 200.

<sup>33</sup> B. Lewis et. al (eds.) (1979), *op. cit.*, m.s. 832-833.

<sup>34</sup> Abū al-Falāḥ °Abd al-Ḥayei b. al-°Imad al-Ḥanbali (1350 H), *op. cit.*, m.s. 300.

<sup>35</sup> Abū al-Fida' al-Ḥafīz Ibn Kathir (1997), *op. cit.*, m.s. 194.

pendapatnya.<sup>36</sup> Selain itu, beliau juga menghafaz tafsir dan sastera Arab yang mana dikatakan tidak ada sahabat Abu Ḥanīfah yang sepertinya yang telah mengembangkan ilmu Abu Ḥanīfah dan menjawab segala persoalan yang berbangkit.<sup>37</sup>

Merujuk kepada ketinggian keilmuannya, Talḥah b. Muḥammad b. Jaʿfar berkata bahawa Abu Yūsuf merupakan orang yang paling faqih dan tidak ada orang lain yang dapat mengatasinya pada waktu itu dan dikatakan beliau merupakan pengakhir dalam ilmu, hukum kepimpinan dan kekuasaan.<sup>38</sup> Beliau juga merupakan orang pertama yang telah menyusun kitab *Uṣūl al-Fiqh* dalam mazhab Hanafi dan menyebarkannya ke seluruh pelusuk dunia.<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup> Bayard Dodge (ed.) (1970), *The Fihrist al-Nadim*, Vol 1, New York and London: Columbia University Press, m.s. 502.

<sup>37</sup> Abū al-Falāḥ °Abd al-Ḥayei b. al-°Imād al-Ḥanbalī (1350 H), *op. cit.*, m.s. 299.

<sup>38</sup> Abū Bakar Aḥmad b. °Alī al-Khatīb al-Baghdādī ( t.t), *op. cit.*, m.s. 245.

<sup>39</sup> Al-Qasim Ibn °Abd Allah Ibn Qutlubughā ( 1962), *op. cit.*, m.s. 81.



### 1.3.1 Guru-Gurunya

Ketinggian beliau dalam bidang keilmuan adalah hasil daripada didikan dan bimbingan para gurunya samada ketika beliau belajar di Madinah ataupun Kufah.

Antara guru-gurunya selain daripada Imam Abu Ḥanīfah ialah:<sup>40</sup>

- |                                   |                               |
|-----------------------------------|-------------------------------|
| a. Abu Ishāq al-Shaybānī          | m. Ayub b. °Utbah             |
| b. Sulaymān al-Taymī              | n. Muḥammad b. al-Ḥasan       |
| c. Yahyā b. Sa°id al-Anṣārī       | al-Shaybānī                   |
| d. Sulaymān al-A°mash             | o. Basyār b. Walid al-Kindī   |
| e. Hisham b. °Urwah               | p. °Ali b. al-Ju°dī           |
| f. °Ubay Allāh b. °Umar al-°Amirī | q. Aḥmad b. Ḥanbal            |
| g. Ḥanzalah b. Abu Sufiān         | r. Yahyā b. Mu°in             |
| h. °Atā° b. al-Sa°ib              | s. °Amrū b. Muḥammad al-Nāqid |
| i. Muḥammad b. Ishāq b. Yasar     | t. Aḥmad b. Manī°             |
| j. Ḥajjaj b. Artah                | u. °Ali b. Muslim al-Ṭusi     |
| k. Al-Ḥasan b. Dinar              | v. °Abdus b. Basyār           |
| l. Layth b. Sa°ad                 | w. Al-Ḥasan b. Shubayb        |

<sup>40</sup> *Ibid.*, m. s 242.

Manakala al-Shirāzī menyebutkan bahawa beliau mengambil atau mempelajari fiqh daripada Muhammad b. °Abd al-Rahman b. Abi Laylā kemudian barulah daripada Abu Ḥanīfah.<sup>41</sup> Namun begitu, pada masa yang sama terdapat juga para gurunya yang menjadi murid kepada Abū Yūsuf antaranya ialah Imām Ahmad b. Ḥanbal yang meninggal dunia pada 241H.<sup>42</sup> Ini boleh dilihat dalam kata-kata Imam Ahmad yang bermaksud:

*“Pertama kali aku belajar hadith, aku pergi kepada Abū Yūsuf al-Qadī, kemudian kami sama-sama belajar dan kemudiannya kami menulis untuk orang ramai”.*<sup>43</sup>

#### 1.4 Ketokohan Imam Abū Yūsuf

Abū Yūsuf merupakan salah seorang sahabat atau murid Abū Ḥanīfah yang berjaya mengembangkan pengajaran dan mazhab gurunya dengan meluas. Ketokohnya dalam mengembangkan mazhab gurunya boleh dilihat dalam empat aspek:

- a. Beliau telah dilantik sebagai Qadi dalam masa yang panjang iaitu dalam masa tiga pemerintah °Abbasīyyah iaitu al-Mahdī, al-Ḥādī dan al-Rashīd. Dalam jangka masa tersebut, ianya telah memberi faedah besar kepada fiqh Abū Ḥanīfah yang mana sebagai seorang Qadi atau hakim, beliau menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalankan tugasnya terutama dalam perkara yang melibatkan teori keilmuan. Ini bermakna dalam menghadapi pelbagai masalah

<sup>41</sup> Abū Ishāq al-Shirāzī (1981), *Ṭabaqat al-Fuqahā'*, Cet. 2, Beirut: Dār al-Ra'īd al-°Arabi, m.s. 134.

<sup>42</sup> H. A. R Gibbs, et. al (eds.) (1961), *Shorter Encyclopaedia of Islam*, Leiden : E. J Brill, m.s. 20-21.

<sup>43</sup> Abū Bakar Ḥmad b. °Alī al-Khatīb al-Baghdadī ( t.t), *op. cit.*, m.s. 255.

yang dikemukakan kepadanya samada secara praktikal yang memerlukan kepada pemahaman teori ataupun kesusahan dalam menerangkan hukum dan sebagainya. Dengan tugasnya ini, Abū Yūsuf telah berjaya menyusun mazhab Abū Ḥanīfah secara sistematik dan menyuburkannya dengan cara praktikal. Ini terbukti dengan kata-kata Abū Ḥanīfah terhadapnya: <sup>44</sup>

*“Sesungguhnya beliau mengamalkan pendapat Abū Yūsuf dalam bab perundangan”.*

- b. Ketika beliau dilantik sebagai hakim di Baghdad, beliau telah diberi gelaran ‘*Qādī al-Qadāt*’ (Ketua Hakim) yang merupakan satu penghormatan kepada beliau dan ini memberi kedudukan yang tinggi kepadanya dan seterusnya kepada mazhab Abū Ḥanīfah. Secara tidak langsung ini memudahkannya untuk memperluaskannya. <sup>45</sup>

Gelaran sebagai Ketua Hakim telah menjadikannya sebagai perantara dalam mengembangkan mazhab Hanafi. Ini boleh dilihat dari segi pengamalannya dalam mengeluarkan fatwa bagi menjawab kemusykilan undang-undang. Dalam menjawab kemusykilan tersebut, beliau berbeza pendapat daripada gurunya, Abū Ḥanīfah. Beliau lebih banyak bersandarkan kepada hadith-hadith sahih dalam mengeluarkan pendapatnya. Pendapat-pendapat beliau ini masyhur dalam kitab-kitab fiqh mazhab Hanafi dan juga pada akhir *Kitāb al-Um* karangan Imam Syafi<sup>c</sup>. <sup>46</sup>

---

<sup>44</sup> Ahmad Amin (1952), *op. cit.*, m. s. 199.

<sup>45</sup> *Ibid.*

<sup>46</sup> Hāshim al-A<sup>c</sup>zami (1965), *op. cit.*, m. s. 245.

- c. Abū Yūsuf juga merupakan seorang yang rapat iaitu pergaulannya luas dengan para ahli hadith dan beliau juga banyak meriwayatkan hadith daripada mereka. Dalam perkara ini, Ibn Jarīr al-Ṭabarī ( meninggal pada 923 H) <sup>47</sup>berkata :

“ *Sesungguhnya Abū Yūsuf al-Qāḍī adalah seorang yang faqih, °alim dan hafiz*”.

Dalam hal penerimaan hadith beliau hanya bersetuju dengan sebahagian ahli hadith sahaja seperti Ibn Ma‘īn dan Ibn Ḥanbal. Apapun perhubungannya dengan ahli hadith telah memperkuat lagi mazhab Abū Ḥanīfah di samping menyuburkannya dengan pendapat ulama daripada Hijaz. Ini adalah berbeza dengan Abū Ḥanīfah sendiri yang sukar menerima hadith.<sup>48</sup>

- d. Beliau juga telah menulis banyak kitab dalam bidang fiqh sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Ibn Nadīm yang antaranya ialah *Kitab al-Ṣolāh*, *Kitāb al-Wakālah*, *Kitāb al-Radd °alā Mālik b. Anas* dan *Kitāb al-Waṣāyā*.<sup>49</sup>

## 1.5 Penulisan

Beliau merupakan murid Imam Abū Ḥanīfah yang menulis segala pandangan dan riwayat daripada gurunya. Ini kerana Imam Abū Ḥanīfah tidak menulis dan membukukan pandangannya tetapi beliau hanya menyampaikannya dalam bentuk perkataan dan nasihat. Maka di sinilah berkembangnya Mazhab Hanafi hasil

---

<sup>47</sup> M. TH. Houtsma, et.al (eds.) (1934), *The Encyclopaedia of Islam*, Vol. IV, Leiden : Late E. J Brill, m.s. 578-579.

<sup>48</sup> Alḥmad Amin ( 1952), *op. cit.*, m.s. 200.

<sup>49</sup> Bayard Dodge (ed.) (1970), *op. cit.*, m.s. 203.

usaha yang dilakukan oleh Abū Yūsuf dan Muḥammad b. Ḥasan al-Shaybānī yang mengembangkan pemikiran guru mereka melalui pembukuan tulisan- tulisan yang boleh didapati hingga kini yang antaranya ialah *Kitāb al- Kharāj*.

Dalam masa 32 tahun selepas kematian Abū Ḥanīfah, beliau sempat mencatat pandangan- pandangan dan riwayat-riwayat Abū Ḥanīfah dalam buku- buku berikut:<sup>50</sup>

**a. *Kitāb al-Āthār***

Buku ini mengandungi riwayat-riwayat yang ditulis oleh Yūsuf dari bapanya Abū Yūsuf dari Abū Ḥanīfah dan seterusnya bersambung sanadnya kepada Rasulullah s.a.w. atau mana-mana Sahabat atau Tabi'īn yang riwayat masing-masing diterima baik oleh Abū Ḥanīfah sendiri. Ianya merupakan sejumlah himpunan besar fatwa fuqaha' Tabi'īn Iraq yang mengandungi antologi hukum fiqh yang dibuat oleh Abū Ḥanīfah dengan menerangkan kedudukan dan prinsip-prinsip hukum dan ijtihad.

**b. *Ikhtilāf Baina Abi Laylā***

Kitab ini mengandungi butir-butir perselisihan antara Abū Ḥanīfah dan al-Qāḍī Ibn Abī Laylā yang wafat pada tahun 148 H. Dalam perselisihan ini, Abū Yūsuf menyatakan sokongannya terhadap pendapat Abū Ḥanīfah. Ianya diriwayatkan dari Abū Yūsuf oleh Muḥammad Ibn al-Ḥasan.

---

<sup>50</sup> Muḥammad Abū Zahrah ( t.t), *op. cit.*, m.s 186.

c. *Al-Raddu 'alā Siyār al- Auza'ī*

Buku ini menerangkan tentang penolakan Abū Yūsuf terhadap pendapat Imām al-Awza'ī dalam memperkatakan dalam hal-hal yang berkaitan mengenai hubungan antara orang-orang Islam dan bukan Islam dalam suasana perang dan juga apa yang bersangkutan dengan ijtihad. Dalam perkara ini beliau menyokong pendapat fuqaha' Iraq. Ringkasnya, buku ini memperkatakan tentang penolakan yang rasional terhadap pendapat fuqaha' Syria iaitu al-Awza'ī berkenaan dengan undang-undang peperangan yang menunjukkan kecenderungan Abū Yūsuf dalam teori perundangan walaupun sebenarnya beliau tidak menulis buku yang khusus mengenai teori ini.<sup>51</sup>

d. *Kitāb al-Kharāj*

Buku ini dianggap oleh para pengulas sejarah perundangan Islam sebagai yang paling baik dari buku-buku yang ditulis oleh Abū Yūsuf. Kandungan kitab ini adalah berkisar kepada sistem kewangan negara Islam. Dalam menyatakan ideanya, beliau menyebut perkara-perkara yang tidak sependapat dengan gurunya Abū Hanīfah serta memberi alasan-alasan secara jujur terhadap pandangannya itu. Antara kitab-kitab yang telah disusun dan ditulis oleh beliau tetapi tidak sampai kepada kita ialah:<sup>52</sup>

---

<sup>51</sup> H.A.R Gibb, et.al, (eds.) (1967), *op. cit.*, m.s. 164.

<sup>52</sup> Ahmad Amin ( 1952), *op. cit.*, m.s. 200.

- a) *Kitāb al-Zakāt*
- b) *Kitāb al-Ṣiyām*
- c) *Kitāb al-Farā'id*
- d) *Kitāb al-Buyūc*
- e) *Kitāb al-Ḥudūd*
- f) *Kitāb al-Wakālah*
- g) *Kitāb al-Waṣāyā*
- h) *Kitāb al-Ṣayyid wa al-Dhabā'ih*
- i) *Kitāb al-Ghaṣb wa al-Istibrā'*
- j) *Kitāb Ikhtilāf al-Amṣār*
- k) *Kitāb al-Radd<sup>c</sup> alā Malīk b. Anas*
- l) *Kitāb Risālah fī al-Kharāj ila al-Rashīd*
- m) *Kitāb al-Jawāmi<sup>c</sup>* yang disusun untuk Yahyā b. Khalīd ( al-Barmakī) yang mengandungi 40 buah kitab.

Melihat kepada penulisan-penulisan beliau ini, *Kitāb al-Kharāj* merupakan penulisan yang benar-benar hasil karya beliau yang asli kerana beliau mengemukakan sendiri pendapatnya samada yang berbeza daripada pendapat gurunya ataupun tidak. Kitab ini juga merupakan penulisan yang terlung mengenai sistem kewangan Islam yang jarang disentuh oleh para fuqaha' terdahulu.